

17 OCT 1996

Tanah

KABINET ARAH KAJIAN UNTUK MAJUKAN TANAH RIZAB MELAYU

KUANTAN, 17 Okt (Bernama) -- Kabinet mengarahkan Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi menjalankan kajian segera mengenai cara memajukan tanah rizab Melayu dan sekiranya perlu mewujudkan sebuah badan atau agensi pelaksana bagi tujuan itu.

Setiausaha Parlimen kementerian berkenaan, Datuk Fauzi Abdul Rahman hari ini berkata kajian itu juga akan meliputi kaedah memajukan tanah berkenaan sama ada perlu dilaksanakan secara usahasama dengan bukan Bumiputera atau tidak.

Jika kajian itu mendapati Bumiputera belum mampu memajukan secara sendirian, maka kemungkinan peruntukan mengenai larangan bukan Bumiputera memajukan tanah rizab Melayu dalam Kanun Tanah Negara akan dipinda, katanya kepada pemberita selepas merasmikan kem kecemerlangan Rakan Muda 1996 di Balok, dekat sini.

Katanya kekuatan ekonomi orang Melayu untuk memajukan tanah berkenaan walaupun ada, belum mencukupi termasuk daripada segi kepakaran.

Arahan kabinet itu dibuat pada mesyuarat mingguannya semalam dan mesyuarat peringkat kementerian selepas itu mengarahkan Ketua Pengarah Jabatan Tanah dan Galian menjalankan kajian berkenaan.

Katanya laporan itu akan disiapkan sebelum penghujung tahun ini dan sekiranya cadangan dalam laporan itu dipersetujui kabinet, usaha memajukan tanah rizab Melayu akan dijalankan tahun depan.

"Adalah rugi kita mempunyai tanah tetapi ia ditinggalkan terbiar tanpa sebarang usaha memajukannya," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga Presiden Umno semasa menggulung perbahasan Perhimpunan Agung Umno 12 Okt lepas berkata, orang Melayu tidak harus membanggakan tanah rizab Melayu kerana ia bukan memandakan ketuanan, sebaliknya hanya menghina orang Melayu di negara sendiri.

Dr Mahathir berkata tanah simpanan itu boleh dikekalkan tetapi tidak membawa kemuliaan sekiranya keupayaan orang Melayu terus terhad serta tidak mampu bersaing dengan bangsa lain.

Fauzi berkata oleh kerana tanah di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, maka kerajaan-kerajaan negeri harus juga mempunyai pendekatan dan perancangan sendiri yang sesuai untuk memajukan tanah rizab Melayu seperti membantu menggalakkan pembangunan di kawasan berkenaan.

Katanya kerajaan Pahang berjaya dalam pendekatannya memajukan tanah rizab Melayu khususnya di kawasan tepi pantai dengan membantu dan menggalakkan pembangunan yang beroreintasikan pelancongan yang telah meninggikan lagi nilai tanah berkenaan dan memberikan pulang pendapatan yang lebih kepada pemiliknya.

Kerajaan tidak mempunyai rancangan untuk membubarkan Kanun Tanah Negara atau Enakmen Negeri mengenai tanah rizab Melayu selagi orang Melayu masih tidak mempunyai kekuatan ekonomi dan memerlukan tanah seperti itu, katanya.

Fauzi juga berkata walaupun harga pasaran tanah rizab Melayu lebih rendah daripada harga tanah di luar rizab Melayu tetapi bagi maksud pengambilan tanah untuk pembangunan, kerajaan membayar harga dengan nilai yang sama.

Katanya ini sesuatu yang dimestikan oleh kerajaan dan oleh itu ia seolah-olah bukan tanah rizab Melayu.

Tanah itu pula mesti digantikan dengan tanah di kawasan lain, katanya.

Terdahulu semasa berucap pada majlis itu, beliau meminta lebih ramai

belia menyertai program Rakan Muda untuk memenuhi masa lapang mereka dan menghindarkan daripada terjebak dengan aktiviti kurang sihat kerana menurutnya ramai di kalangan pemimpin negara pada peringkat awalnya juga aktif dalam persatuan-persatuan belia. -- BERNAMA

AZ RON